

# **PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) 2021-2025**

**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

**DITERBITKAN OLEH:**



**PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK**

Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching. Sarawak.  
Tel: 082 - 417733      Faks: 082 - 243332  
Laman Web: [www.supsrwk.gov.my](http://www.supsrwk.gov.my)

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengesklipotiasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

**PENAFIAN**

Maklumat yang terkandung dalam pelan ini adalah khusus untuk kegunaan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) dan tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis. PSUPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan akibat penggunaan maklumat yang terkandung di dalamnya.

# Perintisan

## SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

*Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.*

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (PSUPS) berjaya membangunkan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025**. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat baik secara langsung maupun secara tidak langsung dalam membangunkan pelan ini.

Inisiatif untuk membangunkan OACP PSUPS 2021-2025 ini merupakan manifestasi hasrat dan usaha jabatan secara kolektif untuk bersama-sama menyahut seruan kerajaan bagi menyediakan satu dokumen dasar antirasuah diperingkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah.

Selaras dengan aspirasi nasional, setiap warga PSUPS perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam sebagai entiti awam yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga kerja PSUPS dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.



Semoga semua warga PSUPS meletakkan integriti sebagai tonggak utama dalam menawarkan penyampaian perkhidmatan awam yang efisien, pantas dan profesional demi mendukung prakarsa dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada pada tahap bitara.

Sekian, terima kasih.

**DATO' AMIR BIN OMAR**  
*Setiausaha Persekutuan Sarawak*

# Pernyataan Komitmen PENGURUSAN TERTINGGI



Pembentukan Pelan **OACP PSUPS 2021-2025** merupakan usaha jabatan ini bagi mendukung aspirasi kerajaan dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integriti dan bukan kerana rasuah.

Pelan yang komprehensif dan inklusif ini dibangunkan selaras dengan penggubalan Pelan Antirasuah Nasional atau lebih dikenali sebagai "*National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023*". Penggubalan pelan ini berpandukan kepada Objektif Strategik 2.1 iaitu **Merekayasa Perkhidmatan Awam ke arah tadbir urus baik** di bawah inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan OACP.

Kerangka pelan ini adalah hasil perbincangan yang dijalankan diperingkat jabatan melibatkan warga yang telah dilantik bertujuan bagi membangunkan pelan yang lengkap meliputi semua aspek berkait rapat dengan fungsi PSUPS. Kerjasama semua pihak terlibat bersama pemegang taruh dalam membudayakan integriti merupakan gambaran komitmen yang tinggi demi menjayakan aspirasi PSUPS. Pelan ini juga diharapkan mampu mengatasi kelemahan integriti dan tadbir urus dalam organisasi.

Maka, pengurusan tertinggi PSUPS berjanji dan komited dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan di PSUPS melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai integriti. Semoga dengan inisiatif ini hasrat untuk menjadikan Malaysia bebas rasuah mampu menjadi realiti.

# KANDUNGAN

## **BAHAGIAN 1 : PENGENALAN**

- Latar belakang
- Punca kuasa
- Visi dan Misi
- Fungsi Jabatan
- Nilai-nilai Bersama
- Pelaksanaan Dasar Integriti dan Tadbir Urus

## **BAHAGIAN 2 : ISU DAN CABARAN**

- Isu dan Cabaran
- Analisis Persekuturan dan Penilaian Risiko
- Bidang Keutamaan Berisiko

## **BAHAGIAN 3 : MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH**

- Kerangka OACP
- Analisa ke atas Punca Salah Laku Integriti dan Rasuah
- Analisa Kuadran
- Keutamaan Strategik
- Pelan Tindakan

## **BAHAGIAN 4 : TADBIR URUS**

- Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan
- Mekanisme Penilaian
- Semakan Semula dan Pembaharuan OACP

## **KESIMPULAN**

## BAHAGIAN 1

# PENGENALAN

- » LATAR BELAKANG
- » PUNCA KUASA
- » VISI DAN MISI JABATAN
- » FUNGSI JABATAN
- » NILAI - NILAI BERSAMA
- » PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Daripada 'Abdullah ('Abdullah bin Mas'ud) daripada Nabi SAW bahawasanya  
baginda SAW pernah berdoa:

**“** Ya Allah! Sesungguhnya aku memohon kepada-Mu petunjuk,  
ketaqwaan, al-iffah (terhindar daripada perbuatan yang tidak baik)  
kecukupan (tidak meminta-minta,). **”**

(Hadith riwayat Muslim, No.Hadith: 2721)

Bab ini mengandungi latar belakang organisasi, punca kuasa, visi dan misi, fungsi PSUPS, nilai-nilai bersama dan program serta usaha yang telah dilaksanakan oleh PSUPS bagi membudayakan integriti dan membanteras rasuah. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus Jabatan telah dilaksanakan sebagai bukti komitmen pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan.

Sehubungan itu, OACP merupakan kelangsungan dari komitmen berterusan Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga PSUPS ke arah pembudayaan integriti dan tadbir urus.

## 1.1 LATAR BELAKANG

Penubuhan Pejabat SUPS adalah inisiatif Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Timbalan Perdana Menteri, pada masa itu, sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan. Y.M. Tunku (Tan Sri) Mohamed bin Tunku Besar Burhanudin yang pada masa itu memegang jawatan Pegawai Perjawatan di Kuala Lumpur pergi ke Malaysia Timur untuk menyelaras dan mencantum sistem pentadbiran awam yang digunakan di Semenanjung Malaysia. Arahan ini adalah berdasarkan kepada perbincangan awal *InterGovernmental Committe* 1963 yang bersetuju untuk menuju sebuah Pejabat Perhubungan Persekutuan (*Federal Liason Office*) di Sabah dan Sarawak bagi peranan Ketua-Ketua Jabatan yang hendak dipersekutukan (*to be federalized*) dengan Kementerian di Kuala Lumpur.

Pada 16 September 1963, iaitu serentak dengan penubuhan Malaysia, Pejabat SUPS yang juga dikenali ringkas sebagai Urusetia Persekutuan telah ditubuhkan. Pada masa tersebut, Tunku Tan Sri Mohamed dilantik sebagai Setiausaha Persekutuan (bagi "Borneo State") atau Malaysia Timur dan ditempatkan di Kuching. Timbalan beliau, Tuan Yap Kee Aik ditempatkan di Jesselton (sekarang Kota Kinabalu) Sabah. Pada peringkat permulaannya, Setiausaha Persekutuan yang beribu pejabat di Kuching adalah bertanggungjawab mengendalikan urusan-urusan bagi kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak.

Pada tahun 1967, Pejabat Setiausaha Persekutuan disusun semula dan dengan itu Sarawak dan Sabah mempunyai Setiausaha Persekutuan masing-masing.

Pada tahun 1971, jawatan SUP lebih dikenali sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak, setelah Tan Sri Dato' Wan Sidek (SUP Ke-6) dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Sarawak dan *Chief Executive Rajang Security Command (RASCOM)*. Dalam nama jawatan tersebut telah ditukar kembali kepada Setiausaha Persekutuan Sarawak setelah Kementerian tersebut dibubarkan. Dengan rasminya melalui Surat Pekeliling Am Bil. 5/1982, Pejabat SUPS telah dimansuhkan atas sebab-sebab tertentu. Pada masa itu, tugas dan tanggungjawab lain yang telah dipertangungjawabkan kepada SUPS telah dipindahkan kepada beberapa pihak persekutuan yang lain sama ada di Semenanjung mahupun di Sarawak. Kuasa undang-undang diwakilkan kepada SUPS oleh beberapa menteri diserahkan balik kepada Kementerian.

Atas permohonan Kerajaan Negeri Sarawak, Y.Bhg. Dato' Abdul Malek bin Abdul Aziz (Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri) memaklumkan pada 21 November 1989, bahawa kabinet telah memutuskan supaya diwujudkan semula jawatan SUP di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, Pejabat SUPS telah diwujudkan semula pada 1 Mei 1990 dan ia telah diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri dan bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) sehingga ke hari ini.

## 1.2 PUNCA KUASA

- i. Surat Pekeliling Am Bilangan 4/1990. Pengwujudan semula Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah dan Sarawak;
- ii. Surat Pekeliling am Bilangan 1/1991. Pengekalan kuasa-kuasa yang telah diserahkan daripada Setiausaha Persekutuan Sarawak kepada pihak Berkuasa Persekutuan dan agensi Pusat; dan
- iii. Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia Bil. JPA (S)252/2/24-21(70) bertarikh 2 Ogos 1999, Surat Penyerahan unit Pembangunan dan Pengurusan Harta ke Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

## 1.3 VISI DAN MISI



"Integrity is doing the right things, even no one is watching"

CS Lewis

"When you are able to maintain your own highest standards of integrity, regardless of what others may do; you are destined for greatness"

Napoleon Hill

## 1.4 FUNGSI PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

**01**

Mengukuhkan Perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak

**04**

Pemudahcara Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan di Negeri Sarawak bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak

**02**

Mengurus Bangunan Gunasama Persekutuan dan Kuarters Persekutuan Sarawak

**05**

Menyelaras Program-Program Peningkatan Kualiti dan Produktiviti Jabatan-Jabatan Persekutuan di Negeri Sarawak

**03**

Menyelaras dan Memantau Projek-Projek Bangunan Gunasama dan Kuarters Persekutuan

**06**

Menyelaras program-program lawatan melibatkan pembesar, menteri, orang-orang kenamaan daripada Semenanjung Malaysia dan Sabah ke Negeri Sarawak

## 1.5 NILAI-NILAI PERSAMA

**J**

**JALINAN**

Menjalinkan kerjasama hubungan antara kerajaan persekutuan dan negeri

**A**

**AMAHAN**

Menjalankan sikap amanah dan jujur dalam tugas-tugas harian

**L**

**LUHUR**

Meluhurkan rasa hormat menghormati antara rakan sekerja

**I**

**INTELEKTUAL**

Sentiasa berada dalam cabaran intelektual

**N**

**NIKMAT MENCIPTA**

Sentiasa berada dalam cabaran inovasi, digital dan rekacipta

**A**

**AKAUNTABILITI**

Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dengan sempurna

**N**

**NORMA BAHARU**

Norma kerja baharu bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan berterusan

## 1.6 PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS

POLISI TIADA HADIAH

IKRAR BEBAS RASUAH 2018

PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH  
2021-2025

PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI  
(OACP) PSUPS 2021-2025

PSUPS sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, PSUPS telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti menubuhkan Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PSUPS, Polisi Tiada Hadiah, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah, membangunkan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) 2021 – 2025 dan yang terkini ialah Pelan Antirasuah Organisasi(OACP) PSUPS 2021-2025.

Dalam hubungan itu, PSUPS telah membangunkan OACP berdasarkan NACP yang telah dilancarkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia pada 29 Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2, No. 1 Tahun 2019 berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi.

OACP merupakan dokumen antirasuah Jabatan yang mengandungi pelan tindakan dan inisiatif menyeluruh untuk membanteras rasuah, meningkatkan budaya kerja berintegriti dan tadbir urus yang baik di Jabatan.

*'...kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi, Integriti berkaitan erat dengan etika. Ia adalah berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan sehari-hari'*

*Pelan Integriti Nasional*

## BAHAGIAN 2

# ISU DAN CABARAN

- » ISU DAN CABARAN
- » ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO
- » BIDANG KEUTAMAAN BERISIKO

**“** *Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah serta salah guna kuasa.* **”**

Tan Sri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara

### SPRM dedah cabaran tangani isu rasuah era moden

PUTRAJAYA - Bijak dan licik dalam menggunakan undang-undang bagi melepaskan diri daripada dikenakan tindakan, selain penggunaan teknologi bagi mengelakkan sesuatu kegiatan dikesan menjadi cabaran yang dihadapi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam menangani isu rasuah dan salah laku pada era moden ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, perkara itu merupakan antara cabaran terkini yang dihadapi agensi penguasa rasuah itu yang telah beroperasi sejak 53 tahun lalu.

Beliau berkata, jenayah rasuah dahulu lebih ‘straight forward’ dan tidak sama berbanding sekarang kerana mereka ini sentiasa mempunyai jalan untuk mengatasi tindakan perundangan.

“Sebab itu saya selalu menggunakan perkataan bahawa rasuah ini adalah jenayah ekonomi. Apabila bercakap tentang jenayah ekonomi, mereka yang terlibat dalam rasuah ini mempunyai pelbagai cara, dengan memikirkan bagaimana untuk mengatasi undang-undang atau sistem yang ada.

“Untuk menanganinya, kita perlu mengesan lebih dalam lagi (kegiatan rasuah) kerana (dahulu) mungkin kita nampak seorang itu lakukan rasuah melalui gaya hidupnya, (tapi) sekarang, kehidupannya kita nampak telah berlaku rasuah, namun undang-undang mahu kami buktikan dari mana punca rasuah itu berlaku,” katanya sempena Ulang Tahun SPRM ke-53 yang akan disambut hari ini.

Sumber: Sinar Harian, 30 September 2020.

## 2.1 ISU DAN CABARAN

Umum sedia maklum mengenai rasuah wujud dalam pelbagai sektor dan bidang tanpa mengira status kedudukan individu yang memberi dan menerima rasuah. Walaupun PSUPS tidak pernah menerima aduan awam berkaitan isu rasuah dan integriti pegawai, namun tidak bermakna tiada risiko berlakunya penyelewengan integriti dan risiko rasuah.

Berikut merupakan isu dan cabaran yang dikenalpasti oleh PSUPS dalam memerangi isu integriti dan rasuah:

### GOVERNANS

- Undang-undang/peraturan yang lapuk dan tidak relevan dengan masa ini;
- Tiada semakan semula proses kerja;
- Urusan kerja secara ad-hoc;
- Penggunaan teknologi yang terhad;
- Kelemahan kawalan dalaman; dan
- Keperluan memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan.

### INTEGRITI

- Kelewatan atau kelemahan dalam melaksanakan tugas;
- Penguatkuasaan yang lemah;
- Tahap pematuhan undang-undang dan prosedur yang rendah di kalangan warga;
- Kekurangan integriti dalam jiwa individu; dan
- Kelemahan penghayatan dan pengamalan etika.

### RASUAH/SALAHGUNA KUASA

- Campur tangan pihak yang berkepentingan dalam proses membuat keputusan;
- Salah guna kuasa budi bicara yang diperuntukkan dalam undang -undang;
- Kebocoran maklumat terperingkat; dan
- Pihak tertentu mengambil peluang dan ruang rasuah.

Dengan mengkaji trend senario rasuah dan data sedia ada, ia membolehkan beberapa perkara dikenalpasti terutamanya kemungkinan-kemungkinan berlakunya perlakuan rasuah pada masa akan datang. Antara kepentingan perancangan senario adalah:



Sebagai mekanisme mengenal pasti peluang-peluang dan ancaman yang melangkaui batasan dan model-model jangka masa lampau. ;



Sebagai salah satu instrumen pengurusan risiko yang penting. ; dan



Sebagai indikator amaran terhadap keputusan-keputusan yang dibuat dalam pelbagai risiko yang menjadi alat penilaian untuk menggariskan strategi-strategi intervensi.

Asas-asas dalam membangunkan OACP PSUPS 2021-2025 adalah merujuk kepada 4 senario utama yang telah ditetapkan di peringkat nasional yang meliputi senario kesinambungan, kekangan, perkembangan dan senario merudum seperti berikut:

**1**

**Senario Kesinambungan  
(Continuation)**



**3**

**Senario Perkembangan  
(Growth)**



**2**

**Senario Kekangan  
(Limits and Discipline)**



**4**

**Senario Merundum  
(Decline and Collapse)**



## 2.2 ANALISIS PERSEKITARAN & PENILAIAN RISIKO

Dalam menyediakan OACP PSUPS 2021-2025 ini, PSUPS telah mengambil inisiatif dengan melibatkan warga PSUPS menerusi Taklimat Pembangunan dan Penggubalan Pelan Antirasuah Organisasi oleh Institut Integriti Malaysia serta melantik Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP yang melibatkan wakil dari semua unit di PSUPS dan telah menyertai Mesyuarat Kerja Pembangunan Pelan OACP PSUPS pada 7 - 8 November 2021.

Menerusi mesyuarat kerja ini, pelbagai data yang telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko melalui rekod aduan, kes salahlaku tata tertib, Laporan Audit dan Kajian Kepuasan Pelanggan telah dinilai bagi menentukan bidang yang perlu diberikan tumpuan oleh PSUPS dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Data-data berkenaan adalah berbentuk laporan, kajian, statistik dan maklumat dari agensi berkaitan seperti berikut:

### i. Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International 2015-2019*.

Kedudukan Malaysia menurun dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) *Transparency International* pada tahun 2020, dengan berada pada kedudukan 57 pada tahun lalu berbanding kedudukan 51 pada tahun 2019. Skor Malaysia juga menunjukkan penurun dengan mendapat 51 mata, iaitu penurunan dua(2) mata daripada 53 pada tahun 2019.

TAHUN	KEDUDUKAN	SKOR
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47
2019	51	53
2020	57	51

Sumber: Transparency International Malaysia

### ii. Statistik Bilangan Aduan yang diterima oleh Unit Integriti.

Menerusi semakan tiada aduan diterima berkaitan oleh salah laku integriti di PSUPS bagi tempoh 2016-2020.



### iii. Statistik Tatatertib.

Menerusi semakan tiada tindakan tatatertib dikenakan kepada pegawai dan kakitangan di PSUPS bagi tempoh 2016-2020. Walau bagaimanapun, terdapat tindakan amaran telah dilaksanakan atas pelanggaran integriti seperti berikut:

TAHUN	KESALAHAN	BILANGAN
2017	Tidak hadir bertugas	2
2017	Tidak mengetik kad perakam waktu	1
2019	Tidak hadir bertugas	2


### iv. Bilangan pegawai yang mempunyai keberhutangan serius.

Keberhutangan serius adalah apabila potongan gaji pegawai melebihi 60% daripada emolumen. Menerusi semakan bagi tahun 2016 hingga 2020, terdapat beberapa orang pegawai dan kakitangan yang mempunyai keberhutangan serius di Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN POTONGAN GAJI MELEBIHI 60% (ORANG)
2016	2
2017	3
2018	5
2019	1
2020	0

## 2.3 BIDANG FUNGSI BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, tiga (3) bidang utama yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan rasuah di PSUPS telah dikenalpasti:



### TADBIR URUS

Tadbir urus didefinisikan sebagai pelaksanaan kuasa politik, ekonomi, sosial dan pentadbiran untuk menguruskan hal ehwal jabatan / agensi. Kepentingan mewujudkan tadbir urus di jabatan adalah bagi memastikan agar jabatan diuruskan mengikut undang-undang dan nilai etika, peraturan dan undang-undang untuk meningkatkan keyakinan stakeholder dan seterusnya penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

Dalam kontek ini, penyampaian perkhidmatan dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej dan nama baik PSUPS. Justeru, PSUPS perlu mengambil pendekatan yang lebih luas dan sistematik dalam membangunkan dasar dan kawalan yang bersesuaian dalam menguruskan kecekapan tadbir urus.

### KEWANGAN

Pengurusan kewangan merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barang (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi arahan, prosedur dan undang-undang terpakai. Pengurusan kewangan yang cekap dan teratur amat penting dalam menguruskan pelbagai sumber yang terhad.

## PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN HARTA


Bidang pengurusan pembangunan dan pengurusan harta merangkumi proses merancang, melaksanakan dan memantau. Semasa pelaksanaan projek pembangunan PSUPS selaku agensi pelaksana perlu mengimbangi masa, sumber dan kualiti agar dapat menyiapkan projek dengan memenuhi objektif dan keperluan pelanggan.

Manakala untuk pengurusan harta, PSUPS dipertanggungjawabkan untuk memastikan aset Bangunan dan Kuarters Gunasama Persekutuan dalam keadaan selamat, selesa dan kondusif selain memastikan pelaburan bangunan Kerajaan mempunyai nilai pulangan yang optimum kepada Kerajaan.

Walaupun hanya unit ini dilihat berisiko tinggi, unit-unit lain juga akan terus dipantau melalui pelaksanaan pelan ini bagi tempoh lima (5) tahun sehingga 2025.

Dalam cabaran menangani penyelewengan, salahguna kuasa dan rasuah Jabatan telah dan sentiasa melaksanakan tindakan penambahbaikan secara berterusan seperti berikut:

- i. Warga jabatan sentiasa mematuhi semua peraturan yang berkuatkuasa termasuk Pekeliling Perkhidmatan, Garis Panduan dan Prosedur Standard Operasi yang telah ditetapkan;
- ii. Pemeriksaan kawalan dalaman melalui *Self-Check Assessment* beserta Arahan Pengawal Pengawal berhubung pengurusan kewangan serta perolehan; dan
- iii. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Anti-Rasuah yang mengambilkira dan membincangkan isu - isu governans, integriti dan anti rasuah.



“

**INTEGRITY MIGHT TAKE A  
LONG TIME TO PAY OFF  
ECONOMICALLY BUT IT PAYS  
OFF INSTANTLY THROUGH  
INNER PEACE.**

SVEN SCHNIEDERS

 YOURFATES.COM

## BAHAGIAN 3

# MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

- » KERANGKA OACP
- » ANALISA KE ATAS PUNCA SALAH LAKU INTEGRITI DAN RASUAH
- » ANALISA KUADRAM
- » KEUTAMAAN STRATEGIK
- » PELAN TINDAKAN

Dalam riwayat at-Tirmizi: Adalah Rasulullah SAW dalam kebanyakan doa baginda adalah;

*Wahai Zat yang membolak-balikkan hati, tetapkanlah hatiku di atas agama-Mu.*

## 3.1 KERANGKA OACP



### VISI


Melahirkan warga PSUPS berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

### MISI

Memantapkan tadbir urus dan integriti warga PSUPS dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan.

### MATLAMAT


- Meningkatkan akauntabiliti dan kredibiliti PSUPS melalui penambahbaikan berterusan sistem penyampaian perkhidmatan.
- Membudayakan amalan integriti dan bebas rasuah dalam penyampaian perkhidmatan di PSUPS.



## 3.2 ANALISA KE ATAS PUNCA SALAH LAKU INTEGRITI DAN RASUAH


Analisa melalui kaedah *Corruption Risk Management* mendapati 21 isu berhubung aktiviti-aktiviti yang cenderung kepada perlakuan salah laku integriti dan rasuah telah dikenalpasti. Berdasarkan analisa punca mengikut unit berisiko dan terma-terma risiko rasuah di dapati hasil penemuan seperti berikut:

PUNCA BERLAKUNYA SALAHLAKU DAN RASUAH



### 3.3 ANALISIS KUADRAN

Hasil analisa kuadran yang telah dilaksanakan, sebanyak 49 pelan tindakan akan diberi keutamaan berdasarkan punca salah laku integriti dan rasuah yang telah dikenalpasti. Penentuan keutamaan ini adalah berdasarkan Prinsip Pareto 80/20 melalui analisa terhadap impak dan tahap kompleksiti pelaksanaannya. Penekanan akan diberikan kepada pelan tindakan yang berimpak tinggi dengan kompleksiti rendah yang mana akan memberi kesan besar kepada kecekapan dan ketelusan PSUPS. Ringkasan 10 pelan tindakan berkenaan adalah seperti berikut:



## 3.4 KEUTAMAAN STRATEGIK

Keutamaan Strategik ditentukan menggunakan Prinsip Pareto yang mewakili 80/20 dimana penekanan diberikan kepada 20% pelan tindakan berimpak tinggi berkaitan potensi punca salah laku integriti dan rasuah di PSUPS.

BIL	NO. PT	PELAN TINDAKAN (PT)	KUADRAN	STRATEGI
1	1	Libat urus bersama Pengurus Fasiliti	A	1
2	10	Kolaborasi program integriti melibatkan penjawat awam Persekutuan dan Negeri	A	1
3	11	Menguatkuasakan peraturan / tahap keselamatan	A	1
4	18	Melaksanakan kursus / Latihan / taklimat berkaitan;- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Perolehan pelaksanaan kerja / perkhidmatan / bekalan lewat / tidak sempurna</li> <li>ii. Pengurusan fasiliti / Ukur bahan</li> <li>iii. Tatacara Pengurusan Aset</li> <li>iv. Tatacara Pengurusan Stor</li> <li>v. Pengurusan fail dan dokumen</li> <li>vi. Pengurusan Aduan</li> <li>vii. Pengurusan Kenderaan</li> <li>viii. Pengurusan Projek Pembangunan</li> <li>ix. Kanun Tanah Sarawak</li> <li>x. Pengurusan Rekod Personel / Pekeliling</li> </ul>	A	1
5	19	Pemantapan nilai integriti;- <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Hebahan peringatan kesan membocorkan rahsia kerajaan</li> <li>ii. Penjualan data peribadi</li> <li>iii. Kewangan</li> <li>iv. Info kesedaran integriti</li> </ul>	A	1
6	23	Meningkatkan kawalan dalaman terhadap akses pangkalan data.	A	1
7	30	Penggunaan Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) dalam penyediaan tuntutan Kewangan.	A	2
8	37	Menyediakan format khusus bagi pengredan kontraktor.	A	3
9	39	Mendapatkan khidmat nasihat jabatan teknikal bagi kerja-kerja yang memerlukan kepakaran teknikal.	A	3
10	43	Memantapkan Pemantauan Projek Pembangunan.	A	4

# PELAN TINDAKAN

BIDANG KEUTAMAAN:

## TADBIR URUS

STRATEGI 1:

### MENINGKATKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS SECARA MENYELURUH

OBJEKTIF STRATEGIK 1:

#### MEMPERKUKUH TADBIR URUS KE ARAH PEMANTAPAN ORGANISASI

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
1.	Libat urus bersama Pengurus Fasiliti.	Unit Pengurusan Harta (UPH) Syarikat Konsesi	2021-2025
2.	Pengisian kekosongan perjawatan sedia ada.	Unit Integriti UPH	2022
3.	Penambahbaikan perjawatan bagi tujuan penguatkuasaan pengurusan kuarters.	Unit Integriti UPH	2023
4.	Memantapkan pelaksanaan pemeriksaan aset jabatan.	Unit Pentabiran	2021-2025
5.	Melaksanakan pemeriksaan dalaman fail dan rekod secara berkala.	UP	2021-2025
6.	Pemusatkan Registri / Bilik Fail.	Unit Pentabiran	2021-2025
7.	Penambahbaikan pada prosedur standard (SOP) dan garis panduan kawalan data peribadi.	Unit ICT	2022-2023
8.	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan Aduan.	Unit Perhubungan Awam	2022-2023
9.	Mengadakan Hari Bersama Pelanggan / Outreach.	Unit Perhubungan Awam	2022-2023
10.	Kolaborasi program integriti melibatkan penjawat awam Persekutuan dan Negeri.	Unit Perhubungan Awam	2022-2023
11.	Menguatkuaskan peraturan / tahap keselamatan Kompleks Persekutuan Kuching.	Unit Pentadbiran	2022
12.	Menyediakan senarai semak penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan.	Unit Pentadbiran	2022
13.	Melaksanakan pemantauan / naziran terhadap penyelenggaraan kenderaan.	Unit Pentadbiran	2022
14.	Pemeriksaan mengejut secara berkala; i. Kenderaan ii. Kewangan	Unit Pentadbiran Unit Kewangan	2022
15.	Mewujudkan garis panduan Tatacara Pengurusan Rekod Personel.	Unit Integriti	2021-2025
16.	Melaksanakan tindakan tegas seperti surat amaran/tatatertib terhadap pelanggaran integriti i. Pegawai pemproses personel ii. Kehadiran waktu bekerja	Unit Integriti	2021-2025

BIDANG KEUTAMAAN :  
**TADBIR URUS**

STRATEGI 1:  
**MENINGKATKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS SECARA MENYELURUH**

OBJEKTIF STRATEGIK 2:  
**MEMANTAPKAN NILAI MURNI DAN MENINGKATKAN KOMPETENSI WARGA PSUPS**

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
17.	Melaksanakan <i>job rotation</i> bagi jawatan sensitif i. Pegawai Perolehan ii. Pegawai Aset iii. Pegawai Stor	Unit Integriti	2021-2025
18.	Melaksanakan Pelan Operasi Latihan (kursus / latihan / taklimat berkaitan):- i. Perolehan pelaksanaan kerja / perkhidmatan / bekalan lewat / tidak sempurna. ii. Pengurusan Fasiliti / Ukur bahan iii. Tatacara Pengurusan Aset dan Stor iv. Pengurusan Fail dan Dokumen v. Pengurusan Aduan vi. Pengurusan Kenderaan vii. Pengurusan Projek Pembangunan viii. Kanun Tanah Sarawak ix. Pengurusan Rekod Personel / Pekeliling	Unit Integriti	2021-2025
19.	Pemantapan nilai integriti i. Hebahan peringatan kesan membocorkan rahsia kerajaan. ii. Penjualan data peribadi iii. Kewangan iv. Info kesedaran integriti	Unit Integriti	2021-2025
20.	Mengadakan sesi kaunseling kepada kakitangan yang gagal mematuhi peraturan seperti contoh ketidakpatuhan terhadap waktu bekerja/pejabat.	Unit Integriti	2021-2025

**BIDANG KEUTAMAAN:**  
**TADBIR URUS**

**STRATEGI 1:**

**MENINGKATKAN KEBERKESANAN TADBIR URUS SECARA MENYELURUH**

**OBJEKTIF STRATEGIK 3:**

**MENINGKATKAN KECEKAPAN PELAKSANAAN PROSES KERJA MELALUI PENINGKATAN PROFESIONALISME DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI.**

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
21.	Menaiktaraf sistem pengurusan fail melalui <i>Digital Document Management System (DDMS)</i> .	Unit Pentadbiran Unit ICT	2021-2025
22.	Penambahbaikan pada SOP dan garis panduan kawalan data peribadi.	Unit ICT	2022-2023
23.	Mengenalpasti data dan meningkatkan kawalan dalam terhadap akses pangkalan data.	Unit ICT	2022-2023
24.	Meningkatkan sistem kawalan pemantauan bagi sistem dan rangkaian ICT.	Unit ICT	2022-2025
25.	Meningkatkan tahap keselamatan rangkaian (dalam ICT) - <i>firewall</i> .	Unit ICT	2023-2025
26.	Memastikan sistem aplikasi yang sedia ada berada pada tahap keselamatan yang optimum.	Unit ICT	2023-2025
27.	Memastikan peralatan dan perisian ICT yang digunakan adalah terkini.	Unit ICT	2023-2025
28.	Pengwujudan Sistem Aduan Bersepadu Jabatan.	Unit Perhubungan Awam	2022-2023
29.	Sistem Pengurusan Parkir / Database maklumat kenderaan.	Unit Pentadbiran Unit ICT	2023

**BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PEROLEHAN & KEWANGAN**

**STRATEGI 2: MENGUKUHKAN SISTEM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN**

**OBJEKTIF STRATEGIK 4: MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS KEWANGAN**

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
30.	Penggunaan HRMIS dalam penyediaan tuntutan Kewangan.	Unit Kewangan	2022-2025
31.	Melaksanakan latihan dan taklimat yang merangkumi pengurusan kewangan dan tatacara perolehan secara menyeluruh serta isu-isu perolehan yang berbangkit.	UPH Unit ICT Unit Pentadbiran Unit Integriti	2021-2025
32.	Pemeriksaan mengejut ke atas Pegawai yang melaksanakan perolehan (cross check).	Unit Integriti	2021-2025
33.	Memantapkan dan melaksanakan inspektorat berkala.	Unit Kewangan	2021-2025
34.	Pemohonan peruntukan untuk pemagaran dan papan tanda tanah.	Unit Pembangunan	2021-2023
35.	Arahan Pentadbiran Dalaman Perbelanjaan Jabatan.	Unit Kewangan	2021-2025
36.	Garis Panduan Penyediaan Dokumen Kewangan yang lengkap dan tepat.	Unit Kewangan	2022

**BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN HARTA**

**STRATEGI 3: KECEKAPAN PENGURUSAN HARTA**

**OBJEKTIF SRATEGIK 5:**

**MEMANTAPKAN KECEKAPAN DAN AMALAN PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN HARTA**

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
37.	Menyediakan format khusus bagi pengredan kontraktor	UPH	2021-2025
38.	Memantapkan proses pemantauan status penghuni kuarters.	UPH Unit ICT Unit Pentadbiran	2021-2025
39.	Mendapatkan khidmat nasihat jabatan teknikal bagi kerja-kerja yang memerlukan kepakaran teknikal.	UPH	2021-2025
40.	Memberi khidmat nasihat berkaitan Garis Panduan Pengubahsuaian Ruang Pejabat secara berkala.	UPH Konsesi	2021-2025
41.	Memastikan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) mempunyai dokumen lengkap bagi pembaharuan sijil perakuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.	UPH	2021-2025
42.	Memastikan syarat dan kelulusan kegunaan tanah dipatuhi dalam jangka masa yang ditetapkan.	UPH	2021-2025

**BIDANG KEUTAMAAN:**  
**PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN**

**STRATEGI 4:**  
**MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN**

**OBJEKTIF STRATEGIK 6:**  
**MEMPERKUKUH PENGURUSAN PEMBANGUNAN SECARA EFISIEN**

BIL	PELAN TINDAKAN/ INISIATIF	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA
43.	Memantapkan Pemantauan Projek Pembangunan.	Unit Pembangunan	2022-2025
44.	Semakan Semula Surat Pekeliling Am Bil.3 Tahun 2011.	Unit Pembangunan	2021-2022
45.	Taklimat dan Khidmat Nasihat Rundingan Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP).	Unit Pembangunan	2021-2022
46.	Pembangunan Database Penyewaan Ruang Pejabat di Seluruh Sarawak.	Unit Pembangunan Unit ICT	2021-2022
47.	Pemantauan Keputusan Dasar JRP Sarawak.	Unit Pembangunan	2021-2022
48.	Data Profiling Tanah.	Unit Pembangunan	2021-2023
49.	Pemantauan Tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan PSUPS.	Unit Pembangunan	2021-2023

Setiap strategi-strategi di atas mempunyai pelan strategik yang jelas dan sekiranya salahguna kuasa, penyelewengan dan rasuah tidak ditangani, program dan aktiviti yang dirancang di bawah strategi dan pelan tindakan tersebut tidak dapat dilaksana dengan sempurna. Jika ini berlaku, ianya akan mengakibatkan semua strategi tidak akan tercapai.

Hakikat ini selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang jelas menyatakan penyalahgunaan kuasa dan pecah amanah merencangkan matlamat pembangunan negara.

## BAHAGIAN 4

# TADBIR URUS

- » MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
- » MEKANISME PENILAIAN
- » SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP

“

*Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)*

”

Surah Al-Baqarah. Ayat 188

## 4.1 MEKANISMA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Bagi memastikan semua inisiatif OACP PSUPS dilaksanakan dengan cekap, sistematis dan menyeluruh, kerjasama dan keterlibatan pihak pengurusan tertinggi, warga PSUPS, pelanggan dan pemegang taruh adalah penting agar OACP PSUPS bergerak seiring dengan OACP Jabatan Perdana Menteri dan NACP yang telah ditetapkan. Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan OACP PSUPS hendaklah ditubuhkan dan melaksanakan tugas-tugas seperti berikut:

### JAWATANKUASA ANTI-RASUAH (JAR), PSUPS

- Menerima laporan Prestasi Suku Tahun OACP;
- Menasihat dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP; dan
- Membuat keputusan dan menetapkan dasar.

### URUS SETIA - UNIT INTEGRITI, PSUPS

- Melaporkan status pelaksanaan OACP SUPS kepada pengurusan tertinggi melalui JAR PSUPS; dan
- Mendapat penjelasan daripada pelaksana Pelan Tindakan.

### PENYELARAS OACP UNIT

- Mengemukakan pelaksanaan masing-masing bagi setiap suku tahun kepada Unit Integriti, PSUPS.

## **4.2 MEKANISMA PENILAIAN**

Penilaian terhadap keberkesanan OACP dilaksanakan dengan tujuan untuk:

- Mengenal pasti kekuatan dan keselamatan setiap aktiviti;
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang dicapai;
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan seperti yang dirancang; dan
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan.

## **4.3 SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN OACP**

Penilaian pencapaian dan semakan semula keberkesanan OACP PSUPS 2021-2025 ini akan dijalankan bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul. Walau bagaimanapun, perkara ini tertakluk pada keupayaan pelaksanaan inisiatif tersebut. Perkembangannya akan dilaporkan seperti yang telah dijelaskan. Kajian semula OACP dan kajian keberkesanannya secara holistik akan dikaji dari masa ke semasa berdasarkan keperluan.

# KESIMPULAN

NACP 2019–2023 merupakan agenda Kerajaan untuk menyediakan satu pelan khusus dalam usaha memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan. Pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori di bawah Strategi 2: Memperkuatkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam di dalam NACP selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019. NACP ini dijadikan asas dan panduan kepada PSUPS dalam merangka dan membangunkan OACP PSUPS bagi tempoh 5 tahun iaitu 2021 sehingga 2025.

OACP PSUPS merupakan salah satu iltizam dan komitmen pihak pengurusan tertinggi dan kesemua warga PSUPS dalam berdepan dengan risiko rasuah dan salah laku dalam melaksanakan tugasannya harian sebagai penjawat awam. Dengan berpaksikan visi ‘Malahirkan Warga PSUPS Berintegriti Tinggi dan Bebas Rasuah’, pelan ini mengandungi 1 misi utama iaitu ‘Memantapkan tadbir urus dan integriti warga PSUPS dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan’. Dengan menasarkan kepada bidang strategik iaitu tadbir urus, perolehan kewangan, pengurusan harta dan pengurusan pembangunan. Sebanyak 49 inisiatif dirangka dalam pelan tindakan meliputi jangka masa pendek,

sederhana dan panjang bagi memastikan pelaksanaan dibuat secara holistik dan memberi impak yang positif.

Kejayaan pelaksanaan inisiatif dalam pelan tindakan adalah bergantung sepenuhnya kepada komitmen semua warga PSUPS. Adalah diharapkan segala usaha-usaha yang dilaksanakan ini dapat membudayakan etika kerja yang berintegriti dalam mendokong amanah yang dipertanggungjawabkan ke arah meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kewibawaan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

Teknologi dan inovasi merupakan enabler penting yang dapat memastikan keberkesahan kesinambungan penyampaian perkhidmatan kerajaan terutamanya dalam era norma baharu. Pengurusan perubahan yang berkesan serta pengemasukan peraturan dan perundangan yang bersesuaian dengan keadaan semasa turut menyumbang kepada kesinambungan kejayaan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam pada itu, kesediaan untuk menghadapi perubahan serta menerima teknologi dan inovasi adalah perkara yang perlu diambil kira dalam menghadapi senario kesinambungan bagi memastikan kemampuan penyampaian perkhidmatan oleh jabatan.

“

# Penghargaan

.....  
Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang  
membantu bagi memberikan input, analisis, panduan  
dan sokongan dalam pembangunan OACP PSUP  
Sarawak 2021-2025.

”

# Galeri



# **AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN OACP PSUPS 2021- 2025**

## **PENAUNG**

**YBhg. DATO' AMIR BIN OMAR**

Setiausaha Persekutuan Sarawak

## **PENGERUSI**

**YBrs. ENCIK BANGES MUNGA**

Timbalan Setiausaha Persekutuan Sarawak

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Puan Lavinia Clarissa Anak Jusueb

Puan Julia binti Johari

Encik Mohamed Faizal Shah bin Ali

Puan Pawef Anak Patem

Encik Ahmad Zaki bin Affendi

Cik Pelangi binti Haji Sidi

Encik Rahmat bin Dahan

Encik Micheal Wilter Anak Siris

Encik Mohd Yasrie bin Mohd Yahya

Encik Fhaizulhaffeq bin Amit

Cik Azlina binti Kammijo

Puan Dayang Raihana binti Abang Ikhwan

Puan Siti Marianie binti Sapar

Encik Lawrence Anak Teresa


Encik Stephen Anak Embuyan


## **URUS SETIA**

Puan Norhaizum binti Sahril

Puan Haminah binti Mohamad Taib

Encik Taufiqul Hakim Mok Abdullah





## PEJABAT SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK

Tingkat 3 & 17, Bangunan Sultan Iskandar  
Jalan Simpang Tiga, 93300 Kuching. Sarawak.

Tel: 082 - 417733 Faks: 082 - 243332

Laman Web: [www.supsrwk.gov.my](http://www.supsrwk.gov.my)